

Tangisan celah pokok

■ Wanita temui bayi dibuang tepi longkang ketika bersenam

Oleh Mohd Helmi Irwadi
Mohd Nor
mohdhelmi@hmetro.com.my
Nilai

“Saya bersenam di lorong di Taman Pelangi Indah dan terdengar tangisan. Saya menyangka ia mungkin bunyi

burung, tetapi semakin lama tangisan itu semakin kuat.”

Demikian kata wanita yang mahu dikenali sebagai May, 50, yang menemui bayi perempuan dipercayai dibuang individu tidak bertanggungjawab di celah pokok dan batu berhampiran longkang di taman perumahan berkenaan di Mantin, di sini, pagi semalam.

Wanita terbabit mendakwa sebelum penemuan jam 6.30 pagi, dia bersenam mengelilingi taman perumahan berkenaan seorang diri dan ketika melalui lorong belakang kedai bahan binaan, dia terdengar tangisan bayi.

“Keadaan ketika itu gelap jadi saya meneruskan larian kerana saya mungkin tersalah dengar.

“Bagaimanapun, tangi-

san itu semakin kuat menyebabkan saya cuba mencarinya di kawasan sekeliling. Saya terkejut apabila menemui bayi perempuan masih bertali pusat ditinggalkan dalam keadaan telanjang di celah pokok dan batu berhampiran longkang,” katanya.

May berkata, dia memaklumkan kepada penduduk berhampiran mengenai penemuan bayi itu sebelum menghubungi polis.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Nilai Superintendan Zaldino Zaludin berkata, pihaknya menerima panggilan jam 6.40 pagi dan sepasukan polis dari Balai Polis Nilai dikejarkan ke lokasi penemuan.

“Hasil pemeriksaan, bayi perempuan itu masih hidup dan anggota polis membawanya ke Klinik Kesihatan Mantin sebelum dipindah-

kan ke Hospital Tuanku Jaa-far (HTT), Seremban, untuk rawatan lanjut,” katanya.

Menurutnya, bayi seberat 2.78 kilogram dan berketegangan 48 sentimeter itu tidak cedera serta dipercayai baru dibuang sebelum ditemui.

“Kita belum mengenal pasti bangsanya sama ada dilahirkan wanita tempatan atau warga asing. Malah, siasatan di lokasi penemuan juga tiada kamera litar tertutup (CCTV) dan hanya menemui sehelai tuala berhampiran lokasi bayi itu ditinggalkan,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian ini diminta tampil menyalurkan maklumat dengan menghubungi Pegawai Penyiasat Asisten Superintendan Ahmad Jamaludin dan Inspektor Sri Indri Mastuty Mat Deni di talian 06-758322.

FAKTA
Bayi yang ditemui tidak cedera



MAY menunjukkan lokasi bayi (gambar kecil) yang ditemui berhampiran longkang di Taman Pelangi Indah, Mantin.